

01/01/2001

GPMS nafi dijanjikan bayaran lumayan

KUALA TERENGGANU, Ahad - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) menafikan dakwaan pembangkang yang mereka dijanjikan bayaran lumayan oleh kerajaan berhubung isu tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu).

Setiausaha Agung GPMS, Syed Anuar Syed Mohamad berkata, pembangkang harus berdiam diri jika tidak mahu menyokong usaha mengadakan tuntutan balas bagi pihak orang Melayu daripada melemparkan fitnah.

Beliau berkata, pembangkang sepatutnya melihat kewujudan gabungan itu sebagai badan bukan kerajaan yang lebih berminat memperjuangkan hak orang Melayu tanpa terikat sentimen politik kepartian.

"Saya sedih pembangkang mengatakan ini satu lagi teori konspirasi dan sandiwara kerajaan," katanya pada majlis Aidilfitri bersama Pengerusi Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah), di Kompleks Belia dan Sukan, di sini kelmarin.

Beliau berkata, beberapa individu yang mendakwa daripada pembangkang menelefon dan menuduh GPMS menerima habuan lumayan untuk tugas itu.

Tuduhan itu membuktikan ada di kalangan pembangkang belum dapat membebaskan diri daripada berfikiran jumud dalam menangani isu hak Melayu.

Mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berhubung langkah kerajaan yang berhati-hati dalam menyelesaikan konflik tuntutan Suqiu dan tuntutan balas 100 perkara oleh GPMS, beliau berkata, Dr Mahathir mengambil pendekatan wajar.

(END)